

25 AUG 2001

GETAH-PORTAL

INDUSTRI GETAH SECARA `DALAM TALIAN'

KUALA LUMPUR, 25 Ogos (Bernama) -- Minyak sawit diniagakan secara `dalam talian' baru-baru ini melalui e-Pomex, dan kini giliran industri getah pula menyaingi kemajuan dunia elektronik dengan sebuah gerbang internet getah berpangkalan di Malaysia, "NRExchange.com."

Gerbang ini akan merintis jalan bagi komoditi itu menembusi pasaran global.

Sehubungan itu, Multimedia Development Corporation Sdn Bhd (MDC) hari ini menandatangani dua memorandum persefahaman (MoU) bagi kerjasama dengan Lembaga Getah Malaysia (MRB), Persatuan Pengilangan Keluaran Getah Malaysia (MRPMA) dan Majlis Penggalakan Eksport Getah Malaysia (MREPC) untuk mewujudkan sebuah gerbang internet.

Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, yang menyaksikan upacara menandatangani MoU tersebut, berkata langkah tersebut akan menyediakan "ketelusan" bagi perdagangan getah.

Perdagangan elektronik akan menghapuskan "sistem berbisik" perdagangan getah asli di kalangan pembeli dan penjual, sekali gus menghapuskan sistem ini dalam industri lain, katanya pada satu sidang akhbar.

"Sejak 15 tahun lalu, kita telah mencuba untuk menjadikan perdagangan getah sebagai perniagaan terbuka dan telus dengan menggunakan bursa hadapan getah, namun kita tidak berjaya disebabkan oleh perniagaan cara tradisi dijalankan melalui proses berbisik," katanya.

Menurut beliau, penjual-penjual tempatan melindungi pembeli-pembeli mereka dari lima atau enam syarikat tayar, tanpa memperakui bahawa pembeli-pembeli "berbisik" atau bertawar menawar untuk mendapatkan harga yang lebih baik daripada pengeluar-pengeluar getah dari negara-negara jiran seperti Thailand dan Indonesia.

"Disebabkan oleh sistem berbisik ini, pengeluar-pengeluar getah langsung hilang kawalan ke atas pasaran," tambah beliau.

Oleh itu, katanya, ketelusan menjalankan perniagaan secara `dalam talian' akan memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai perdagangan. Pelabur-pelabur dalam industri getah boleh melihat kegiatan tawar-menawar ini secara terbuka di Internet.

Gerbang tersebut akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 7 Sept ini di Ekspo Koridor Raya Multimedia (MSC) - Asia Multimedia di Pusat Dagangan Dunia Putra. Acara ini diadakan bersempena dengan Mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Kelima.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr Lim berkata bahawa portal ini akan membolehkan peserta-peserta industri getah, termasuk perniagaan kecil dan sederhana, berkomunikasi bukan sahaja dengan pelanggan-pelanggan mereka, malah juga dengan rakan perniagaan dan pembekal mereka.

Pekilang dan firma perdagangan tradisi boleh mengalihkan operasi mereka daripada cara tradisi kepada Internet, dengan membawa bersama sinergi strategik untuk memenuhi keperluan pelanggan mereka di seluruh dunia, katanya.

Dr Lim berkata, Malaysia yang pernah menjadi pengeluar getah nombor satu di dunia, kini menduduki tempat keempat.

Pada tahun 2000, pengeluaran getah asli Malaysia berjumlah 615,222 tan metrik, susut sebanyak 20 peratus daripada 768,872 tan metrik pada tahun 1999, manakala tahun ini, sejumlah 580,000 tan metrik pengeluaran getah asli diunjurkan. Daripada jumlah ini, hampir 80 peratus dikeluarkan oleh pekebun-pekebun kecil.

Dr Lim menggesa industri kecil dan sederhana (IKS) untuk mengambil kesempatan daripada geran yang ditawarkan oleh Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) untuk memulakan e-niaga.

Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM10 juta bagi IKS menceburi e-niaga.

Sementara itu, Pengerusi Eksekutif MDC Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah berkata bahawa gerbang getah itu adalah satu langkah positif ke arah menjadikan Malaysia sebuah pusat kecemerlangan bagi industri getah dan sebagai pusat perdagangan dan pengetahuan.

"Matlamat kami adalah untuk meningkatkan nilai perniagaan melalui gabungan pengetahuan industri yang mendalam dan penggunaan teknologi terkemuka, untuk membina hubungan dengan pengeluar, peniaga, pembeli, penjual dan rangkaian nilai getah dari sektor hulu dan hiliran," tegasnya.

NTEExchange.com akan juga menyediakan wadah bagi MRB mengeluarkan sijil dan lesen berkaitan dengan industri getah. -- BERNAMA

ER FR KY ZK